

20 DEC 1997

Mahathir-Ghapur

PM BELUM TERIMA PELETAKAN JAWATAN GHAPUR

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau belum membuat keputusan sama ada untuk menerima peletakan jawatan Datuk Abdul Ghapur Salleh sebagai Timbalan Ketua Menteri, Menteri Kewangan dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sabah.

Dr Mahathir berkata beliau telah menemui Abdul Ghapur di pejabatnya di sini semalam dan menasihati Timbalan Ketua Menteri Sabah itu supaya menimbang semula keputusannya untuk meletakkan ketiga-tiga jawatan itu.

"Saya belum terima peletakan jawatannya. Dia beri penjelasan kepada saya, saya juga beri penjelasan kepada dia dan menasihati dia supaya menimbang semula keputusan itu," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Sabtu lepas, Abdul Ghapur, 54, mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah berkuatkuasa 18 Dis dan juga meletakkan jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu yang berkuatkuasa serta merta.

Abdul Ghapur menyatakan masalah peribadi dan kegagalannya melaksanakan tugas-tugas yang diberikan sebagai alasan peletakan ketiga-tiga jawatan itu dan keputusannya adalah muktamad.

Ketika ditanya pemberita reaksi Abdul Ghapur kepada nasihatnya itu, Perdana Menteri berkata beliau telah menunjukkan tanda-tanda untuk menimbang semula keputusannya.

Mengenai tarikh peletakan jawatan-jawatan itu yang sudahpun berkuatkuasa, Dr Mahathir berkata Abdul Ghapur masih Timbalan Ketua Menteri, Menteri Kewangan dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sabah.

Katanya selagi beliau (Dr Mahathir) belum membuat apa-apa keputusan rasmi mengenai peletakan jawatan-jawatan itu, Abdul Ghapur masih kekal dengan jawatan-jawatannya.

"Dia akan beritahu saya keputusannya tidak lama lagi," katanya ketika ditanya tempoh masa yang diminta oleh Abdul Ghapur untuk menimbang nasihatnya itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, mesyuarat MT hari ini tidak membincangkan soal peletakan jawatan Abdul Ghapur itu.

Sementara itu, Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee berkata beliau akan memangku jawatan Menteri Kewangan yang disandang oleh Abdul Ghapur sehingga keputusan mengenai peletakan jawatan itu dicapai.

"Buat masa ini, beliau (Abdul Ghapur) dianggap sedang bercuti dan bukan sebagai telah meletak jawatan," katanya selepas perjumpaan antara Dr Mahathir dengan menteri besar dan ketua menteri hari ini.

Menurutnya jawatan itu akan dipangkunya bagi tempoh dua minggu.

Ketika ditanya sama ada Abdul Ghapur akan menimbang semula keputusannya selepas pertemuannya dengan Perdana Menteri semalam, Yong berkata beliau belum lagi berjumpa dengan Abdul Ghapur mengenai perkara itu. -- BERNAMA

HAK NAK